



PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

KENYATAAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SECARA TENDER TERBUKA

TAWARAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SELUAS 595 METER PERSEGI DI LOT 72334, KAMPUNG SELAMAT, MUKIM SUNGAI BULOH, DAERAH PETALING, SECARA TENDER TERBUKA

TANAH UNTUK PEMBERIMILIKAN

Tawaran ini adalah terbuka kepada Individu dan Syarikat yang boleh dilupuskan tanah seperti yang dijelaskan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.

Perihal tanah adalah seperti berikut :-

1. Lokasi Tanah : Lot 72334, Kampung Selamat, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling
2. Pelan Tapak : Pelan Pra hitungan seperti dilampirkan
3. Harga Pasaran : RM900.00 / meter persegi
4. Butiran Tanah :
 - a) Luas : Lebih kurang 595 meter persegi
 - b) Kategori : Bangunan
 - c) Syarat Nyata : Bangunan Kediaman
 - d) Dasar / Polisi Kerajaan Negeri yang perlu dipatuhi bagi sebarang cadangan pembangunan:
 - i. Merujuk kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Bil.29/2021 bertarikh 18 Ogos 2021 permohonan pelupusan tanah ini perlu dibuat secara tender terbuka selaras dengan Pekeliling PTGS Bil.6/2010 dan Arahan PTGS Bil.3/2016.; dan
 - ii. Pelan Kebenaran Merancang yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan
5. Petender yang berjaya adalah dikehendaki menandatangani 10% daripada harga tawaran dalam bentuk bank deraf atas nama Bendahari Negeri Selangor semasa mengembalikan Surat Setuju Terima (Lampiran D) dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan. Baki 90% harga tawaran dan lain-lain bayaran yang disyaratkan hendaklah/perlu dibayar dalam tempoh Notis Borang 5A. Sekiranya baki bayaran 90% tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, bayaran deposit 10% akan dimasukkan sebagai hasil Negeri.

Bagi yang berminat, sila dapatkan dokumen tender **PB NO. 02/2022** dengan harga RM50.00 daripada Pejabat Daerah dan Tanah Petaling dengan mengemukakan harga yang hendak ditawarkan.


Sila kemukakan permohonan kepada:

**PENGARAH
PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
TINGKAT 4, BANGUNAN SSAAS
40503 SHAH ALAM**

TARIKH TUTUP: 10 MEI 2022 (pada atau sebelum jam 12.00 tengahari - Satu (1) bulan daripada tarikh kenyataan ini disiarkan).


 (PENTADBIR TANAH)
 PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

Tarikh : 8 APRIL 2022




 MUKIM SUNGAI BULOH
 (KAMPUNG SELAMAT)
 DAERAH PETALING
 SKALA : 1 : 600
 SHEET : 76- D

CATATAN
 KELUASAN TAPAK YANG DI MOHON 595 MP

PENTADBIR TANAH DAERAH PETALING

BIL. PELAN :